

17/06/2004

Pembedahan prostat guna robot canggih

By Rasheffa Abdul Rashid

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, meletakkan satu impian untuk rakyat Malaysia supaya suatu hari kelak masyarakat negara kecil ini membangun dan bergerak seiring dengan negara maju lain.

Bagi merealisasikan impian itu, beliau memberikan penekanan tinggi terhadap teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bergerak seiring kepesatan Ekonomi Global yang penting untuk Malaysia terus maju dan berdaya saing setanding negara lain.

Hari ini, impian itu hampir terlaksana, Malaysia mula mengorak langkah selepas menguasai bidang ICT dan kini mula menjurus ke arah pembangunan bioteknologi.

Di negara ini, penyediaan perkhidmatan terbaik dalam industri perubatan dan kesihatan untuk pesakit tidak pernah dipinggirkan. Pelbagai usaha diambil supaya rakyat menikmati keselesaan rawatan dan tidak perlu ke luar negara yang memerlukan perbelanjaan besar.

Kementerian Kesihatan mengambil beberapa inisiatif untuk menggalakkan perkembangan 'Medical Tourism', dan pengenalan perkhidmatan rawatan pembedahan robotik adalah satu daripada usaha itu.

Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan melancarkan peralatan Pembedahan Robotik atau Robotik Surgeri, satu teknologi terkini di rantau Asia Tenggara. Malaysia adalah negara kedua selepas Singapura menggunakannya untuk merawat pesakit.

Pembedahan Robotik (Sistem da Vinci) ini dibawa masuk dari Amerika Syarikat. Ia mula dikenal pasti ketika Kongres Urologi Asia (ACU) keenam pada 2002 yang diadakan di Kuala Lumpur.

Acara kemuncak kongres itu adalah transmisi secara langsung dari Maine, Jerman menerusi demonstrasi pembedahan kelenjar prostat menggunakan robot.

Ini jelas menunjukkan sektor awam kita juga sudah maju dan bergerak ke arah mencapai impian Tun Dr Mahathir.

Jabatan Urologi Hospital Kuala Lumpur (HKL) adalah yang pertama menggunakan teknologi pembedahan robotik tercanggih. Kini ia adalah pusat cemerlang berteknologi tinggi yang mana kebanyakan pembedahan dilakukan secara 'minimal invasive'.

Minggu lalu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abd Latiff Ahmad melancarkan alat pembedahan robotik berkenaan dan menyatakan rasa bangganya terhadap kemajuan dicapai hospital kerajaan bagi membekalkan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai.

Beliau berkata, teknologi yang dibawa masuk itu menaikkan martabat hospital kerajaan sebagai hospital pertama menggunakan antara teknologi termaju dalam bidang perubatan.

"Jabatan Urologi diklasifikasikan yang terbaik di seluruh dunia dan kini mempunyai teknologi setanding negara maju seperti Singapura, Jepun dan India.

"Ini adalah satu lagi kejayaan HKL khususnya Institut Urologi bagi memastikan sistem menyampaikan kemudahan perubatan dan kesihatan kepada mereka yang memerlukan berada pada tahap optimum," katanya pada majlis pelancaran alat pembedahan robotik di Jabatan Urologi HKL.

Katanya, Malaysia perlu menjurus ke arah teknologi kerana tidak mahu tertinggal dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai.

"Sambil kita memperbaiki infrastruktur kesihatan di desa dan kampung, kita perlu mengambil tahu perubahan teknologi di sekeliling kita," katanya.

Pembedahan Robotik Sistem da Vinci ini menggunakan dua tangan panjang yang halus serta kamera yang memberikan pemandangan luas dalam tubuh pesakit melalui pembedahan kecil 'keyhole.'

Satu tangan membawa hook untuk memotong dengan karan atau gunting dan tangan satu lagi membawa forsep.

Pakar bedah menjalankan pembedahan menggunakan robot daripada konsol komputer yang mempunyai skrin tiga dimensi (3D). Skrin 3D ini membolehkan pakar bedah melihat bahagian pembedahan dengan lebih dekat dan jelas bagi memastikan organ yang dibedah dipotong dengan sempurna.

Pembedahan secara tradisional memerlukan pemotongan kulit besar dan lazimnya menyebabkan lebih banyak pendarahan serta mengakibatkan kerosakan pada tisu.

Master Control Video menggerakkan tangan-tangan robot di dalam badan pesakit. Pergerakan robot lebih licin, tanpa gegaran dan ini membolehkan pembedahan dilakukan dengan lebih terperinci.

Jahitan rumit dan halus yang lazimnya sukar dilakukan dalam badan boleh dibuat dengan sempurna.

Tujuan utama pembedahan robotik ialah untuk menyingkatkan tempoh pesakit sembuh selepas pembedahan selain memastikan pembedahan kanser dilakukan sebaik atau lebih baik hasilnya jika dibandingkan pembedahan tradisional menerusi kaedah pemotongan kulit.

Pembedahan yang dilakukan dengan tangan robotik ini memberikan pelbagai faedah bukan saja kepada pesakit malah pakar bedah atau doktor.

Selain menjimatkan masa pembedahan kepada separuh, antara faedah lain termasuk kurangnya pendarahan kepada pesakit. Kaedah pembedahan ini tidak membabitkan pemindahan darah.

Menerusi kaedah pembedahan robotik ini, pembedahan rumit seperti Radical Prostatectomy yang membabitkan seluruh kelenjar prostat bagi kanser prostat boleh dilakukan secara rawatan harian.

Sistem da Vinci itu dihantar ke HKL pada Januari lalu. Pengubahsuaian, penempatan dan latihan dijalankan pada Mac 2004.

Ketua Jabatan dan Pakar Perunding Kanan Urologi HKL, Dr Sahabudin Raja Mohamed berjaya menjalankan 10 pembedahan yang menggunakan sistem itu sejak bilik pembedahan dan penempatan siap Mac lalu.

Sembilan daripada kes itu membabitkan Radical Prostatectomy untuk kanser prostat dan satu kes Pyeloplasti untuk sumbatan Pelvioureteric Junction (PUJ) yang membabitkan buah pinggang.

Ketika ini ada 13 lagi pesakit yang bakal menjalani pembedahan itu dalam jangka masa terdekat.

Antara penyakit lain yang boleh dirawat menerusi pembedahan robotik ini ialah Pelvic Lymphadenectomy, Nephrectomy, Adrenalectomy dan Bladder Augmentation.

Ia juga boleh digunakan untuk pembedahan umum seperti Gastrectomy, Hemi Colectomy, Splenectomy, Gastric Resection, Cardio Thoracic, Arrested Heart dan Mitral Valve Repair.

Beliau berkata, pesakit boleh dibenarkan pulang dalam tempoh 24 jam dan tiub kateter dibuang dalam tempoh empat hari. Berbanding pembedahan secara pemotongan kulit yang mana pesakit terpaksa berada di hospital selama 10 hari sehingga jahitan dibuang, manakala tiub kateter pula dibuang selepas dua minggu.

"Lihat betapa ia menjimatkan masa rawatan dan tempoh masa pesakit di hospital. Ia juga tidak menyakitkan. Ada pesakit yang boleh berjalan empat jam selepas pembedahan berbanding tiga hingga empat hari menerusi pembedahan biasa dan pulang ke rumah dua hari selepas pembedahan dan mula bekerja 10 hari kemudian.

"Kesemua pesakit saya sembuh dengan baik dan dibenarkan pulang dari HKL dalam masa tiga hingga lima hari serta boleh makan seperti biasa dalam

masa seminggu berbanding beberapa minggu menerusi pembedahan biasa.

"Dengan pembedahan robotik, komplikasi seperti masalah ereksi atau mati pucuk dan `urinary incontines' cuma dua peratus. Suka saya ulangi pembedahan cara ini memang memanfaatkan kerana kurang sakit, kurang pendarahan, pesakit sembuh dengan cepat serta sangat menjimatkan masa," katanya.

Selain itu, sistem ini boleh juga digunakan untuk pembedahan salur di jantung, buah pinggang dan pembedahan organ dalaman yang membabitkan pemotongan dan jahitan yang merumitkan.

Beliau berkata, kaedah pembedahan robotik itu sungguh menakjubkan kerana robot melakukan pembedahan di dalam tubuh pesakit manakala pakar bedah mengendalikan robot itu dari luar.

Katanya, kepakaran itu tidak mudah diperolehi dan memerlukan pendedahan yang lama serta jangka masa latihan yang mencukupi. Ia juga memendekkan tempoh pembedahan daripada lima jam dengan pembedahan biasa kepada dua jam dengan bantuan robot.

Dr Sahabudin berkata, bagaimanapun ia bergantung kepada kepakaran pakar bedah untuk mengendalikan pembedahan dengan kaedah baru itu, dan beliau sedang melatih dua lagi pakar menggunakan peralatan berkenaan.

"Petugas pembantu serta jururawat perlu dilatih untuk membiasakan mereka menggunakan kaedah teknologi baru ini.

"Ia mungkin mengambil masa tetapi jika dilihat daripada jumlah pesakit yang dibedah menggunakan kaedah ini, kami akan menjadi mahir," katanya.

Institut Urologi membuat perancangan jangka masa panjang untuk membentuk lebih ramai doktor pakar bedah terlatih dalam prosedur robotikurgeri.

Beliau bagaimanapun berkata, pakar bedah sedang giat menjalankan latihan untuk memahirkan diri supaya mampu mengendalikan Sistem da Vinci dengan cekap.

"Saya berharap untuk melakukan lebih banyak pembedahan major seperti Cystoprostectomy dan Nefrektomi menggunakan robot pada masa akan datang.

"Apa yang penting sekarang ialah penerimaan orang ramai untuk mempercayai teknologi ini dan memberi kami peluang menjalankan pembedahan menggunakan robot.

"Ini kerana pesakit masih diberi pilihan sama ada untuk menjalankan pembedahan kaedah pemotongan kulit atau kaedah robot. Saya mengesyorkan teknologi ini adalah yang terbaik di dunia," katanya.

(END)